

1.1 Pendahuluan

Pada hakikatnya, perancang keluarga bukanlah satu perkara yang baru wujud bahkan ia telahpun dikenal dan diamalkan oleh orang-orang dizaman lampau hatta dizaman Rasulullah s.a.w. sendiri. Namun perkara itu nampaknya tidaklah diperbesar-besarkan menjadi satu macam kempen masyarakat sehinggalah keabad 19 bilamana muncul beberapa orang tokoh Barat menyebarkan ideologi-ideologi mereka berkaitan perancang keluarga, seterusnya menjalankan gerakan-gerakan yang bersangkutan.

Menjelang zaman moden abad ke 20, pelopor-pelopor perancang keluarga telah tampil mempromosikan amalan perancang keluarga ke seluruh pelusuk dunia. Kemasukan gerakan perancang keluarga Barat khususnya ke negara-negara Islam atau negara-negara yang penduduk majoritinya Islam telah meletakkan perancang keluarga sebagai satu isu yang begitu kontroversi beberapa ketika dahulu hingga mencetuskan pelbagai kritikan pro dan kontra terutama di kalangan ulama dan cendekiawan Islam sendiri.

Berikutan dari itu, beberapa persidangan Islam diperingkat kebangsaan dan antarabangsa telah diadakan, umpamanya Persidangan Agung Alim-ulama di Rabat, Maghribi pada Disember 1971. Persidangan di Rabat ini telah dihadiri oleh pakar-pakar agama, pakar-pakar

perubatan dan pakar ' demography ' (bidang kependudukan) beragama Islam.

Kini walaupun kontroversi tersebut telah dapat diatasi, masyarakat awam beragama Islam seharusnya turut diberikan penjelasan mendalam berhubung hal ini. Semoga dengan penjelasan itu nanti, masyarakat Islam akan benar-benar memahami konsep perancang keluarga dalam Islam dan tidaklah hanya menjadi ' pak turut ' dengan menerima bulat-bulat budaya perancang keluarga yang diamalkan di Barat tanpa mengambil-kira halal haram dan buruk baiknya.

1.2 Pengertian Tajuk

Tajuk penyelidikan penulis ialah " Perancang Keluarga Menurut Perspektif Islam Dan Realiti Masyarakat Kini - Satu Kajian Di Felda Soeharto, Hulu Selangor."

' Perancang ' adalah berasal dari kata dasar ' rancang ' . Menurut pengertian bahasa, ' rancang ' bermakna diatur atau direncanakan lebih dahulu.¹ Perkataan ' perancang ' bermaksud perbuatan merancangkan sesuatu.

Perkataan ' keluarga ' pula dari segi bahasanya, bermakna seisi rumahtangga atau saudara-mara.²

Bagaimanapun, perkataan ' perancang ' dan ' keluarga ' apabila digabungkan, adalah menjadi satu istilah. Istilah ' perancang keluarga ' yang dimaksudkan dalam tajuk ini adalah merujuk kepada perbuatan merencanakan bilangan dan jarak kelahiran anak bagi mencapai saiz keluarga yang sesuai.

Ungkapan 'menurut perspektif Islam' bermaksud menurut pandangan atau kaca mata agama Islam.

Ungkapan 'realiti masyarakat kini ' pula merujuk kepada kenyataan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dimasa sekarang. Di sini ingin dijelaskan bahawa perkataan ' masyarakat ' sekalipun dari segi bahasanya bermaksud 'kumpulan manusia yang tinggal di sesuatu kawasan' namun apa yang ditujukan oleh tajuk kajian adalah khusus kepada masyarakat beragama Islam. Pengfokusan ini adalah bersesuaian dengan skop perbincangan yang membahaskan soal perancang keluarga dari sudut penilaian agama Islam.

Akhir sekali, ungkapan ' satu kajian di Felda Soeharto ' menunjukkan bahawa penyelidikan adalah dipusatkan di tempat yang bernama demikian.

1.3 Latar Belakang Tempat Kajian

Seperti yang tertera di atas tajuk, tempat yang menjadi sample kajian penulis ialah Felda Soeharto, salah sebuah kawasan perkampungan peneroka. Dari segi geografi, ia terletak di utara daerah Hulu Selangor dan berjiran dengan dua buah perkampungan lain iaitu Felda Gedangsa dan Felda Sungai Tinggi.

Tempat ini dinamakan Felda Soeharto kerana mengambil sempena nama Presiden Republik Indonesia, Pak Soeharto yang telah melawat kawasan ini diawal tahun 1970an dahulu. Di kalangan penduduk setempat, kawasan ini juga dikenali dengan nama Sungai Dusun.

Felda Soeharto meliputi kawasan seluas kira-kira 3,159.371 hektar persegi. Dari jumlah keseluruhan ini, kira-kira 222.58 hektar persegi adalah kawasan perkampungan (kawasan perumahan), 2,685.540 hektar persegi pula adalah kawasan ladang tanaman kelapa sawit dan bakinya seluas lebihkurang 251.251 hektar persegi adalah kawasan paya. (Lihat lampiran 1)

Kawasan perumahan peneroka dibahagi-bahagikan kepada enam peringkat menurut peringkat-peringkat pengambilan masuk para peserta. Keenam-enam peringkat tersebut masing-masing dikenali dengan nama Peringkat Satu, Peringkat Dua, Peringkat Tiga, Peringkat Empat, Peringkat Lima dan Peringkat Enam.

Kini Felda Soeharto dihuni oleh sejumlah 655 buah keluarga peneroka. 22 buah daripadanya adalah keluarga berbangsa India manakala bakinya adalah keluarga Melayu beragama Islam. Jumlah penduduk keseluruhan (ahli keluarga peneroka sahaja) menurut bancian terbaru tahun 1988 adalah seramai 4,427 orang. (Lihat lampiran 2)

Sejak ianya mula dibuka hinggalah sekarang, banyak kemajuan dan kemudahan telah diperolehi. Kini kawasan perkampungan telahpun dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuklah bangunan sekolah, masjid, pusat kesihatan, bekalan air, elektrik, talian talipon ke rumah-rumah dan sebagainya.

1.4 Tujuan Penyelidikan

Selain tujuan akademik, penyelidikan ini mempunyai beberapa tujuan lain. Pertamanya penulis ingin melihat dengan sejelasa mungkin kedudukan perancang keluarga menurut perspektif Islam - apakah doktrin perancang keluarga diiktiraf oleh Islam atau sebaliknya.

Kedua, penulis ingin mengetahui apakah dari segi teknik dan pendekatannya, Islam membenarkan penggunaan aneka macam kaedah perancang keluarga yang ada hari ini.

Ketiga, penulis ingin menyingkap sejauhmana kepekaan, kefahaman dan sambutan masyarakat Islam terhadap perancang keluarga. Le-

bih dari itu, penulis ingin mengenalpasti sejauh mana perancang keluarga yang diamalkan oleh masyarakat Islam hari ini bertepatan dengan lunas-lunas syariah.

Di samping tujuan-tujuan tadi, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengemukakan sedikit-sebanyak pandangan tentang sikap dan langkah yang sepatutnya diambil oleh masyarakat Islam dalam menangani perkara ini.

1.5 Methodologi Kajian

Penulisan kertas projek ini melibatkan penggunaan dua kategori method yang berikut :

1. Method pengumpulan data
2. Method analisa data

1.5.1 Method Pengumpulan Data

Di dalam rangka mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, beberapa kaedah kajian digunakan oleh penulis iaitu :

- a) Method dokumentasi
- b) Method soalselidik
- c) Method temubual
- d) Method observasi.

a) Method Dokumentasi

Apa yang dimaksudkan dengan method dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen (keterangan bertulis) yang berhubung dengan masalah yang dibahas. Penulis menggunakan method ini untuk mengumpulkan data-data bagi dimuatkan dalam bab I, II dan III. Bahan-bahan yang digunakan bagi tujuan ini termasuklah buku-buku dan juga kertas-kertas kerja.

b) Method Soalselidik

Penulis menggunakan method soalselidik untuk tujuan mengumpul data-data bagi bab IV. Berhubung dengan soalselidik ini, sebanyak 65 keping borang soalselidik telah diedarkan kepada para responden dengan mengambil kira peringkat umur mereka. walau macam manapun, hanya 50 keping sahaja yang dikembalikan dan dalam pada itu, 5 daripadanya terpaksa ditekupkan kerana telah tidak diisi atau tidak dijawab sewajarnya.

Subjek soalselidik ini hanya dikhususkan kepada kaum wanita yang sudah berumah tangga sahaja. Tumpuan ini dibuat memandangkan merekalah orang yang lebih terlibat dengan perancang keluarga. Soalselidik tidak dapat dilakukan ke atas kaum lelaki (pihak suami) memandangkan terdapat beberapa kesukaran dan halangan untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, so-

al perancang keluarga yang melibatkan pihak suami telah juga dikemukakan dalam borang soalselidik yang diserahkan kepada responden-responden wanita.

c) Method Temubual

Method temubual digunakan untuk membantu penulis mendapatkan maklumat yang mendalam dan untuk mendapatkan maklumat yang tidak dapat diperolehi melalui soalselidik. Dari segi struktur, penulis telah menggunakan bentuk temubual tanpa arah. Dengan lain perkataan, penulis tidak mengikut apa-apa sistem semasa menemubual responden. Walau bagaimanapun, perkara yang hendak diselidiki telah penulis tentukan.

d) Method Observasi

Dalam konteks ini, penulis telah melakukan pengamatan terhadap fenomena-fenomena yang berlaku di dalam masyarakat berhubung pengalaman perancang keluarga.

1.5.2 Method Analisa data

Penulis telah menganalisa data secara fakta dan peratus. Ini adalah kerana kebanyakan data yang diperolehi adalah berbentuk kuantitatif data. Selain itu, penulis juga menggunakan method deduktif iaitu cara menarik kesimpulan dari data-data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

1.6 Masalah Kajian

Penulis menghadapi masalah dalam mengedar dan mendapatkan kembali borang soalselidik. Penulis berkata demikian kerana ada pihak yang enggan samasekali memberi kerjasama untuk mengisi borang soalselidik, ada pihak yang mengembalikan borang tersebut dalam keadaan tidak diisi dan malah ada pihak yang tidak memulangkan langsung borang tersebut meskipun di antara mereka ada yang telah bersejua dan bersedia memulangkannya.

Bagi penulis, keengganan sesetengah pihak dalam memberikan kerjasamanya, ada kemungkinan didorong oleh tanggapan negatif dan sensitiviti terhadap persoalan perancang keluarga secara teruka.

Notakaki

1

Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan (Edisi Baru), K.Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 1023.

2

Ibid, hal. 573.